

Kompleks Bersejarah Pasir Salak

- ⊙ Terletak kira-kira 70 km dari Ipoh dan kira-kira 25 km dari Teluk Intan.
- ⊙ Menempatkan tempat yang sesuai dilawati seperti Tugu Lela Rentaka, Kubu Dato' Maharaja Lela, Masjid Pasir Salak, Rumah Kutai, Kubur SiPutum, Memorial Pahlawan, Kubur J.W.W. Birch, Terowong Masa dan yang berkaitan dengan sejarah Pasir Salak.
- ⊙ Resort Percutian Pasir Salak mengandungi bilik penginapan berhawa dingin, kolam renang, dewan persidangan, bilik seminar dan bengkel, restoran beraneka makanan dan Riverside Gazebo.

55
LOKASI
MESTI PERGI!


B/H 24/2/13 MS 2

Waktu melawat kompleks ini adalah seperti berikut :

- ⊙ Isnin-Khamis: 10 pagi hingga 5 petang
- ⊙ Jumaat: 10 pagi hingga 12.30 tengah hari & 2.45 petang hingga 5 petang
- ⊙ Sabtu, Ahad & Cuti Umum: 10 pagi hingga 6 petang

Bayaran masuk:

- ⊙ Dewasa: RM4
- ⊙ Kanak-kanak: 7-12 tahun RM2



Inspirasi Pasir Salak

» Kompleks sejarah suram, terbiar kurang pengunjung

Oleh Zainuri Misfar
zainuri@bharian.com.my

Selepas lebih 100 tahun berlakunya peristiwa pembunuhan JWW Birch di Pasir Salak iaitu pada 1875, dibina sebuah kompleks bersejarah yang bertujuan untuk mengemabalkan ingatan kepada keberanian pahlawan Melayu melawan penjajahan British.

Dikenali sebagai Kompleks Bersejarah Pasir Salak, ia dibina di tepi Sungai Perak atas inisiatif bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib pada 1990. Pembukaan kompleks ini dirasmikan oleh Raja Nazrin Shah pada 26 Mei 1990.

Kini selepas lebih 20 tahun, kompleks ini memang masih wujud tetapi keadaannya agak mengecewakan. Selepas dua dekad, banyak yang perlu diperbaiki, dibina semula dan diselenggara supaya semangat Dato' Maharaja Lela terus membara.

Kompleks Bersejarah Pasir Salak memang dicanang seba-

gai antara lokasi menarik dan menjadi sebahagian daripada produk pelancongan oleh Perak.

Papan tanda yang menunjukkan penunjuk arah kompleks ini boleh dilihat di merata-rata di sekitar bandar utama Perak, seperti di Ipoh dan Teluk Intan.

Kaya sejarah

Kompleks ini terletak di Pasir Salak dalam Daerah Perak Tengah berhampiran dengan pekan Kampung Gajah, Perak, juga sebenarnya adalah negeri yang kaya dengan sejarahnya. Bahkan, dari Perak juga teretusnya kebangkitan orang Melayu menentang penjajahan Inggeris.

Kemuncak daripada penentangan yang diketuai dan dirancang oleh Datuk Maharaja Lela itu ialah pembunuhan Residen Pertama Inggeris di Perak iaitu tebing Sungai Perak di Pasir Salak.

Tapak dan kesan pembunuhan itu diabadikan yang boleh disaksikan sehingga sekarang apabila bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ngah Talib

membina Kompleks Bersejarah Pasir Salak pada 1990.

Kompleks ini menjadi sebahagian destinasi pelancongan yang disenaraikan oleh kerajaan negeri Perak. Ini terbukti apabila papan tanda arah Kompleks Bersejarah Pasir Salak sudah boleh dilihat dari Ipoh, Kuala Kangsar dan Teluk Intan.

Sememangnya, kalau memandu dari mana-mana arah pun menuju ke Pasir Salak, sepanjang pengembaraan ini nanti akan melalui perkampungan tradisional, ladang padi luas terbentang bagaikan saujana mata memandang mahupun kehijauan kelapa sawit dan dusun.

Himpunan 18 galeri

Kompleks ini menghimpunkan 18 galeri atau koleksi bersejarah yang menarik. Antaranya, model rumah Kutai iaitu Rumah Datuk Maharaja Lela, Tugu Peringatan Pahlawan Perak, Kubur Si Putum, Kubu Datuk Maharaja Lela, Tugu Lela Rentaka 1 dan II, Pentas Belotah, Balai Penghulu, Tapak Birch dibunuh dan Rumah Kutai Anjang Pelita.





B/H 24/2/13 MS 3

[FOTO ZAINURI MISFAR / BH]

sombong tidak menyenangkan orang Melayu.

Beliau juga mendapat tentangan daripada Sultan Perak ketika itu, Sultan Abdullah. Birch bertindak agresif dan dengan bantuan polis untuk menakutkan orang. Dato Maharaja Lela dan ketua Kampung Gajah, Datuk Sagor Seri Agar bangkit menentang arahan Birch dan pegawainya.

Pada 1 November 1875, Birch dan kumpulannya sampai di Pasir Salak. Orang Melayu yang bersenjata ketika itu sudah berkumpul di tepi sungai berhampiran dengan bot Birch dan mengonyakkan semua surat arahan British yang ditampal. Birch telah dibunuh dengan kerjasama Dato Maharaja Lela dan rakan-rakannya iaitu Datuk Sagor, Siputum, Pandak Endut, Laksamana Mohamad Amin, Ngah Ibrahim, Ngah Jabor dan lain-lain. Beliau dibunuh di Pasir Salak pada 2 November 1875 pada usia 49 tahun. Kerani Melayunya, Mat Arshad, turut terbunuh dalam peristiwa itu.

Terowong Sejarah

dan lain-lain), alat pengangkutan, perabot rumah, alat-alat tembaga, pakaian, peralatan pertanian dan tekanan.

Rumah kutai

Terdapat dua rumah kutai dalam kompleks bersejarah ini dengan satu daripadanya dikatakan rumah Dato Maharajalela. Bagaimanapun, kedua-dua rumah ini kelihatan seperti terbiar dengan papan pada dinding yang reput dan bumbung pula banyak sudah tercabut. Rumah Kutai adalah sebutan penduduk tempatan bermaksud lama atau tua.

Sebenarnya tidak semua boleh dilawati atau dilihat dalam kompleks ini. Sebahagian daripada kompleks ini ditutup untuk dilawati.

Kerajaan Negeri Perak, Jabatan Muzium Negeri, Pelancongan Negeri Perak, Muzium Negara dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan patut memikirkan secara bersama untuk memajukan, memperbaiki kerosakan, memulihara dan seterusnya memberi 'semangat' kepada kompleks ini untuk menarik



Tugu Birch didirikan berdekatan Masjid Lama, Pasir Salak.

Lawatan ke Kompleks Bersejarah Pasir Salak baru-baru ini, memperlihatkan suasana yang agak suram.

Banyak bangunannya sudah rosak teruk, cat pula kusam atau pudar dan sesetengah galerinya terpaksa ditutup kepada orang awam. Tugu dan rakit yang menjadi tempat Birch dibunuh juga sudah tiada sebaliknya hanya dibina pintu gerbang bagi menunjukkan peristiwa itu berlaku.

Di hadapan pintu gerbang, tersergam replika objek perang yang digunakan membunuh Birch. Manakala tugu peringatan Birch pula dibina di sebelahnya. Kedua-duanya terletak di hadapan Masjid Pasir Salak. Masjid ini sudah dibina sejak sebelum pembunuhan Birch tetapi dibakar dan dimusnahkan oleh Inggeris apabila wakil Inggeris itu dibunuh.

Di atas tapak sama, masjid yang musnah itu dibina semula dan dirasmikan oleh Sultan Perak, Sultan Idris Almutakilah pada 25 September 1964.

Maut di Sungai Perak

JWW Birch atau James Wheeler Woodford Birch, adalah Residen British pertama di Perak. Bapanya seorang paderi gereja All Saints di Hertford, England. Dia pernah berkhidmat dengan Tentera Laut DiRaja British dan ditugaskan atas kapal *HMS Alfred* yang meronda pantai di Amerika Selatan. Jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh Birch adalah:

Sebelum menjadi Residen British di Perak, Birch pernah bertugas di Sri Lanka dan pelbagai negeri di India. Antara tahun 1870 hingga 1874, Birch adalah Setiausaha Kolonial, Negeri-Negeri Selat.

Rentetan daripada Perjanjian Pangkor Perjanjian yang ditandatangani pada 1874 antara Gabenor Negeri-Negeri Selat, Andrew Clarke dan Raja Muda Abdullah yang berkuasa di Hilir Perak, Birch dilantik Residen British Pertama di Perak. Tugasnya adalah mengutip cukai dan mentadbir Perak. Birch mentadbir negeri tanpa mengambil tahu peraturan kerajaan negeri yang sudah lama diamalkan dan tidak mahu belajar memahami adat resam orang Melayu dan Rajaraja Melayu.

Malahan, Birch mengeluarkan arahan menuntut semua hasil cukai dan pendapatan negeri dikutip pegawai kerajaan. Beliau akan mengenakan hukuman kepada mereka yang mengutip cukai tanpa mengikut peraturan British. Keputusan itu dan sikapnya yang

Terwang Sejarah

la dianggap sebagai bangunan muzium terbesar di Perak. Bangunan ini mengandungi Balai Pameran mempamerkan kronologi dan sejarah Peristiwa Pasir Salak.

Dalam bilik pameran ini dipaparkan diorama iaitu patung kecil yang menggambarkan peristiwa penentangan penjajah. Antaranya, pasukan Sultan Ibrahim merampas kembali Kuala Selangor dari tangan Belanda pada 1785; Dol Said dalam Perang Naning di Negeri Sembilan (1831), pertempuran antara Tunku Muhammad Saad dengan tentera Siam di Kuala Kedah (1839), keberanian Rosli Dhobi menikam sampai mati Gabenor British Sarawak yang kedua, Sir Duncan Stewart di Sibul, Sarawak (1949), perjuangan Datu Mat Salleh melawan tentera Inggeris di Ranau, Sabah pada 1897, selain kisah perjuangan Datuk Bahaman dan Mat Kilau (Pahang) dan Tok Janggut (Haji Hassan Panglima Mat Munas) di Kelantan

Selain itu, turut dipaparkan juga perjuangan polis, orang kampung dan tentera menentang penganas komunis ketika era darurat.

Di bahagian lain bangunan ini mempamerkan senjata (keris, golok, pedang, senapang

kompleks ini supaya nampak 'hidup' dan meriah serta seronok dikunjungi.

Ini kerana kompleks ini sangat berguna dari segi sejarah. Kedudukannya di tepi Sungai Perak memberi panorama yang cukup indah. Memang terdapat sebuah resort bersebelahan kompleks ini tetapi bukan semua yang datang berkunjung hendak menginap.

Sebagai tarikan pelancong, pengurusan kompleks ini harus ada perancangan untuk menjayakan aktiviti istimewa. Difahamkan suatu ketika dulu, ada persembahan kebudayaan di amphiteater yang terletak antara kompleks ini dengan resort Pasir Salak.

Ia boleh dihidupkan semula dan persembahan diadakan pada setiap hujung minggu. Ini akan menjadikan pengunjung terasa berbaloi apabila datang ke Kompleks Bersejarah Pasir Salak selepas memandu atau berada dalam bas berjam-jam lamanya semata-mata datang ke sini.

Lagipun, ini untuk memastikan 'semangat perjuangan' Dato' Maharajalela dan pengikutnya dalam mempertahankan negara daripada cengkaman penjajah sentiasa tersemat di hati pengunjung kompleks ini.

